

Cagamas terbit kertas komersial Islam RM305 juta

KUALA LUMPUR: Perbadanan gadai janji nasional, Cagamas Bhd, mengumumkan terbitan Kertas Komersial Islam (ICP) tiga bulannya yang berjumlah RM305 juta.

Cagamas dalam satu kenyataan semalam berkata ICP itu akan diterbitkan di bawah struktur Komoditi Murabahah di mana hasil daripada terbitan tersebut akan digunakan untuk membiayai pembelian pembiayaan Islam rumah daripada sistem kewangan.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Chung Chee Leong berkata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2018 Malaysia yang diumumkan minggu lepas menunjukkan pertumbuhan kukuh 4.7 peratus meskipun persekitaran pasaran yang mencabar tahun lepas.

“Momentum belian kukuh daripada pelabur dalam pasaran bon domestik dapat dilihat seperti yang dibuktikan daripada lelongan Sekuriti Kerajaan Malaysia baru-baru ini dengan nisbah bida kepada perlindungan hampir 2.6 kali.

“Oleh itu, terdapat kesan limpahan dalam segmen bon korporat yang menyumbang kepada kejayaan penetapan harga syarikat bagi ICP tiga bulannya,” katanya.

Chung berkata ICP itu mendapat sambutan menggalakkan daripada institusi kewangan dan telah dimuktamadkan menerusi tawaran saham persendirian.

Beliau berkata dengan peningkatan kadar hasil dalam pasaran tempatan ditambah dengan pengukuhan ringgit berbanding dolar AS, ICP itu secara kompetitif berharga setara dengan penanda aras kadar KLIBOR tiga bulan tempatan, yang ketika ini berada pada 3.69 peratus. — Bernama